



Handbook

SISTEM EPR FILE V2

Pejabat Pendaftar UMT2023

Dikemaskini : 31 Disember 2023



Terokaan Seluas Lautan. Demi Kelestarian Sejahtera | Ocean of Discoveries for Global Sustainability


Senarai Kandungan

PENGENALAN	3
STRUKTUR SISTEM.....	5
GLOSARI DATA SISTEM.....	6
Modul 2 : Teaching.....	11
Modul 3 : Research & Innovations	14
Modul 4 : Knowledge Transfer	17
Modul 5 : Self Development	21
Modul 6 : Academic/Non Academic Leadership	26
Modul 7 : Management Leadership	39
Modul 8 : Other Achievements.....	39
Glosari Penerbitan Pengajaran.....	41
VERIFIKASI DAN PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (PIC VERIFIKASI)	43

Catatan:

1. Bukti bagi persidangan telah dikemaskini pada 31.12.2023. Sila rujuk muka surat 22.

1. Sistem e-Profile Versi 2 merupakan pangkalan data profil staf akademik dan sokongan akademik yang berteraskan kepada data pencapaian merangkumi profil, pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, pemindahan ilmu, pembangunan sendiri, kepimpinan akademik, kepimpinan pengurusan dan pencapaian lain. Sistem ini berperanan untuk mengumpul data dan bukti pencapaian serta menyediakan laporan dalam bentuk curriculum vitae (CV), laporan statistik pencapaian dalam *dashboard* secara individu dan laporan terperinci secara keseluruhan.
2. Sistem e-Profile V2 adalah sumber data utama bagi data berkaitan kepakaran ahli akademik. Data tersebut digunakan untuk pembuatan keputusan berkaitan pengurusan bakat seperti penilaian prestasi, kenaikan pangkat, pengesahan jawatan, penyambungan kontrak, pengiktirafan/penganugerahan, pelantikan pentadbiran, penempatan, pelan penggantian dan pembangunan latihan dan kerjaya.
3. Dalam pengurusan bakat akademik, ahli akademik diuruskan secara strategik di mana urusan penilaian prestasi dan kenaikan pangkat dilaksanakan secara atas talian. Sistem e-Profile V2 adalah sumber data utama yang diintegrasikan kepada sistem penilaian prestasi ahli akademik (e-Prestasi), sistem kenaikan pangkat ahli akademik (iRaise) dan sistem lain yang akan dicadangkan untuk keperluan pada masa akan datang.
4. Sistem eProfile V2 dibangunkan dan disimpan dalam pangkalan data di Pusat Ekosistem Digital. Secara umumnya, prosedur utama yang menyokong Sistem e-Profile V2 adalah seperti rajah berikut:




5. Pengumpulan data dalam Sistem eProfile V2 dilaksanakan menggunakan dua (2) kaedah pengumpulan iaitu integrasi data daripada sistem sumber sedia ada di UMT/pangkalan data luar UMT dan kemasukan data oleh pengguna. Sistem sumber sedia ada yang diintegrasikan kepada Sistem eProfile V2 adalah seperti berikut:


Sistem Sumber Sedia Ada/ Pangkalan Data Luar	Sub-Modul
Sistem Profil Staf	My Account – Biodata
Sistem Maklumat Pelajar (SMP)	Teaching - Subject Taught
Sistem ePembelajaran	Teaching - Subject Taught - Mode Blended
Sistem Penilaian Pengajaran Pensyarah (eSPP/TEP)	Teaching - Subject Taught - Teaching Evaluation
Modul Penyeliaan Siswazah	Teaching - Postgraduate Supervision
Sistem Pengurusan Penyelidikan	Research & Innovation - Research Grant
Pangkalan Data Scopus & Web of Science (WoS)	Research & Innovation - Publication
Sistem Latihan & Kompetensi	Self-Development - Course/Conference/Expedition/Academic Activity
Modul Pelantikan Pentadbiran	Management Leadership

6. Pengguna Sistem eProfile terdiri daripada semua staf UMT sama ada akademik dan sokongan akademik, fakulti/institut/pusat, PTJ pengurusan berkaitan data pencapaian dan pengurusan tertinggi UMT. Semua warga akademik dan sokongan akademik boleh menggunakan Sistem eProfile V2, melihat dashboard pencapaian dan menjana CV. Manakala fakulti/institut/pusat boleh menggunakan laporan setiap modul data pencapaian yang disediakan dalam bentuk Microsoft Excel mengikut PTJ masing-masing. Selain itu, PTJ pengurusan berkaitan data pencapaian dan pengurusan tertinggi UMT boleh melaksanakan pemantauan data pencapaian keseluruhan staf UMT.

7. Jumlah data pencapaian yang disimpan dalam Sistem eProfile V2 adalah seperti berikut:



STRUKTUR SISTEM



*Dikemaskini 16 Nov 2023. Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

GLOSARI DATA SISTEM

*Diluluskan oleh Mesyuarat JK Pengurusan Sistem eProfile UMT, Kali Kedua, Bil. 1 Tahun 2023, 25 Sept 2023

Modul 1 : Profile

Sub-Modul	Glosari	Bukti
Academic Qualification	Takrif: Tahap kelayakan akademik yang sah dan diperakui oleh pihak universiti. Contoh: Ph.D dan setara (termasuk DBA, DEd, Deng, etc), Sarjana, Sarjana Muda dan setara (contoh APEL), Diploma, Sijil dan lain-lain. Nota: Kelayakan badan profesional adalah tidak termasuk dalam kategori ini.	Tidak perlu bukti kerana data tidak perlu diverifikasi.
Area of Expertise	Takrif: Bidang kepakaran adalah merujuk kepada latar belakang kepakaran ahli akademik meliputi kluster, bidang utama, sub bidang dan pengkhususan. Nota: 1. Kluster merujuk kepada kluster penyelidikan di UMT. Ahli akademik wajib memilih sekurang-kurangnya 2 daripada 5 kluster yang disenaraikan. 2. Bidang utama, sub bidang dan pengkhususan adalah berdasarkan senarai Malaysian Research & Development Classification System 7th Edition yang dikeluarkan oleh MOSTI.	Tidak perlu bukti kerana data tidak perlu diverifikasi.
Professional Membership	Takrif: Keahlian badan profesional secara rasmi dan sah termasuk yang disenaraikan atau tidak disenaraikan oleh UMT. Ciri-ciri badan profesional yang diterima : 1. Badan yang berdaftar dan disenaraikan dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSISRAF) 2. Berkaitan dengan bidang kepakaran Contoh: Ir., Ar., Sr., <i>Advocates & Solicitors, Chartered Secretary, Chartered Accountant, Chartered Engineer, Licensed Counselor</i>, MMed, MRCP, MMC untuk <i>medical</i>, MIA untuk <i>accountancy</i>, BEM untuk <i>engineering board</i>, Ts untuk <i>Professional Technologist</i>, ChM for <i>Chemist</i>,	1. Sijil/Emel/Surat/kad keahlian yang mengandungi maklumat lengkap termasuk nama badan profesional dan tarikh mula & tamat keahlian. 2. Bagi pelantikan sebagai exco atau jawatankuasa dalam badan profesional, bukti mestilah menyatakan dengan lengkap tarikh mula dan tamat pelantikan sebagai exco/jawatankuasa. 3. Print screen laman web badan profesional yang masih memaparkan nama ahli akademik sebagai ahli.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Gs. untuk <i>Geospatial</i> dan PGeol untuk <i>Geologist</i>. Nota: - Keahlian yang diperoleh selepas Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh badan peringkat kebangsaan atau badan perlesenan antarabangsa adalah diterima. - Keahlian dalam persatuan akademik adalah tidak termasuk dalam kategori keahlian badan profesional. - Bukti boleh melebihi daripada satu bukti. Contoh Sijil keahlian yang diterima semasa mula menjadi ahli dan resit pembayaran pembaharuan yuran bagi tahun berkenaan.	Bukti lain yang lengkap dan bersesuaian.
Academic Society	Takrif: Keahlian persatuan akademik atau NGO sama ada disenaraikan atau tidak disenaraikan oleh UMT. Ciri-ciri persatuan akademik atau NGO adalah: a) berdaftar, b) berkaitan dengan bidang kepakaran. Contoh: PERSAMA, ANALIS, AIENG, European Mathematical Society (EMS), MSM, MSAB dan lain-lain. Nota: - Ahli akademik perlu memasukkan data keahlian persatuan akademik atau NGO walaupun tidak dibiayai oleh UMT. - Keahlian dalam badan profesional adalah tidak termasuk dalam kategori ini. - Persatuan lain yang tidak diambilkira adalah persatuan staf akademik, Persatuan Alumni, PIBG dan lain-lain yang tidak berkaitan dengan bidang kepakaran. - Bukti boleh melebihi daripada satu bukti. Contoh Sijil keahlian yang diterima semasa mula menjadi ahli dan resit pembayaran pembaharuan yuran bagi tahun berkenaan.	- Sijil/Emel/Surat/kad keahlian yang mengandungi maklumat lengkap termasuk nama persatuan akademik/NGO dan tarikh mula & tamat keahlian. - Bagi pelantikan sebagai exco atau jawatankuasa dalam persatuan akademik/NGO, bukti mestilah menyatakan dengan lengkap tarikh mula dan tamat pelantikan sebagai exco/jawatankuasa. - Print screen laman web badan profesional yang masih memaparkan nama ahli akademik sebagai ahli. - Bukti lain yang lengkap dan bersesuaian.
Competency Certification	Takrif: Pensijilan kompetensi merujuk kepada pensijilan yang dianugerahkan kepada individu yang memenuhi piawaian (latihan/kursus/mata CPD) oleh badan/agensi tertentu.	Sijil/Emel/Surat/kad sijil kompetensi yang mengandungi maklumat lengkap termasuk nama kompetensi dan tarikh mula & tamat pensijilan.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Contoh: Diver License, Safety Training, SCUBA diver, NLP Certified Coach, Certified Lead Auditor, Certified Integrity Officer (CeIO), Microsoft Certified Professional, Certified Ethereum Practitioner, Google For Education Certification, Sirim Lead Auditor ISO/IEC 27001:2013, Certified Content Creator - Educator@Virtual Learning Environment Educator@VLE dan lain-lain yang setaraf. Nota: Keahlian badan profesional dan persatuan akademik adalah tidak termasuk dalam kategori ini.	2. Bukti lain yang bersesuaian.
H-Index & Citation	Takrif: H-indeks merujuk kepada metrik kuantitatif berdasarkan analisis data penerbitan dan sitasi oleh pangkalan data Scopus atau Web of Science (WoS) sahaja. Nota: - Ahli akademik boleh mengemaskini sebarang perubahan maklumat H-indeks dan sitasi pada sepanjang tahun. - H-indeks dan sitasi selain daripada Scopus atau WoS adalah tidak diterima.	<i>Print screen</i> H-indeks dan sitasi daripada Scopus atau WoS <i>Print screen</i> muka hadapan akaun Publons yang lengkap mengandungi maklumat h-Indeks dan sitasi.
Publication ID	Takrif: Publication ID adalah identiti digital penerbitan bagi penyelidik yang membezakan antara penyelidik yang lain mengikut pangkalan data penerbitan. Publication ID yang diperlukan adalah : <i>Author name</i> - Nama penulis yang digunakan dalam penerbitan. Contoh, Hazila, H., Hashim, Hazila atau mana-mana nama penulis berdasarkan format yang digunakan. Contoh format yang biasa digunakan adalah format APA, MLA, Turbanian, Chicago, IEEE dan lain-lain. - Scopus ID - Identiti digital penulis dalam pangkalan data Scopus/Elsevier. - ResearcherID/Publons - Identiti digital penyelidik dalam pangkalan data WoS. - Orcid ID - Identiti digital penyelidik dalam laman web Orcid. <i>Google Scholar Name</i> - Identiti digital penyelidik dalam pangkalan data Google Scholar.	Tidak perlu bukti kerana data tidak perlu diverifikasi.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Nota: 1. Nama penulis dan nama-nama lain yang digunakan untuk semua jenis penerbitan (jurnal, buku, prosiding) perlu dimasukkan dengan tepat dan mengambil kira tanda koma, tanda titik, jarak antara huruf serta perkataan. Nama penulis boleh melebihi daripada satu nama. 2. Bagi ahli akademik yang tidak mempunyai Orcid ID dan ResearcherID adalah digalakkan untuk mendaftar pengenalan penerbitan tersebut bagi memudahkan pengurusan penerbitan masing-masing pada masa akan datang. Scopus ID adalah dijana secara automatik apabila menerbitkan artikel dalam pangkalan data Scopus. 3. Nama penulis bagi penulis bersama (sama ada penulis dari dalam UMT/Luar UMT/Pelajar) tidak perlu dimasukkan. Jika telah masukkan nama penulis selain diri sendiri, sila padamkan nama penulis tersebut.	
Previous Appointment	Takrif: Pengalaman kerja sebelum menjawat jawatan semasa sama ada di agensi kerajaan atau swasta bagi semua taraf lantikan (tetap, kontrak, sementara dan sambilan). Contoh: 1. Jawatan semasa staf A adalah Pensyarah Universiti di UMT dan jawatan sebelum adalah Pegawai Sains di UMT. Pengalaman kerja sebagai Pegawai Sains boleh dimasukkan dalam kategori ini. 2. Jawatan semasa staf B adalah Pensyarah Universiti di UMT dan jawatan sebelum adalah Pensyarah Universiti di UNISZA. Pengalaman kerja sebagai Pensyarah Universiti di UNISZA boleh dimasukkan dalam kategori ini. Nota: 1. Pelantikan jawatan pentadbiran seperti Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah dan lain-lain adalah tidak termasuk dalam kategori ini. Jawatan pentadbiran perlu dimasukkan dalam modul Management Leadership. 2. Rekod perkhidmatan dari segi kenaikan pangkat tidak perlu dimasukkan.	Tidak perlu bukti kerana data tidak perlu diverifikasi.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	3. Rekod pertukaran penempatan dalam skim yang sama di UMT tidak perlu dimasukkan dalam kategori ini.	

Modul 2 : Teaching

Sub-Modul	Glosari	Bukti
Subject Taught	Takrif: Merujuk kepada subjek yang diajar kepada pelajar dalam dan luar UMT di semua peringkat pengajian (Asasi, Diploma, Prasiswazah dan Pascasiswazah) secara konvensional dan pembelajaran teradun. Mode-Blended bermaksud kaedah pengajaran yang menggabungkan mod pengajaran secara bersemuka dan capaian secara dalam talian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Peringkat Mode-Blended perlu dirujuk Mode-Blended Status dalam Portal ePembelajaran UMT (Lentera). OBE atau <i>Outcome Based Education</i> bermaksud pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan hasil pembelajaran yang merangkumi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pencapaian PLO pelajar dan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI). Pelaksanaan OBE perlu dirujuk melalui Modul Laporan LO (MyNemo). Petunjuk bagi peringkat OBE adalah seperti berikut: i. Tidak menggunakan OBE: ▪ Tiada MyCA ▪ Tiada Teaching Plan ▪ Tiada Laporan CQI ii. Tahap Rendah (Dokumen Constructive Alignment (CA) telah dibentuk): ▪ Hanya ada MyCA sahaja ▪ Tiada Teaching Plan ▪ Tiada Laporan CQI iii. Tahap Baik (Dokumen CA dan Modul Laporan LO telah dibentuk dan dilaksanakan dalam pengajaran): ▪ Ada MyCA ▪ Ada Teaching Plan ▪ Tiada Laporan CQI iv. Tahap Cemerlang (Dokumentasi Continuous Quality Improvement (CQI) di peringkat subjek): ▪ Ada MyCA ▪ Ada Teaching Plan ▪ Ada Laporan CQI Markah Penilaian Pengajaran boleh dirujuk kepada Sistem eSPP/TEP (MyNemo > Akademik > eSPP/eTEP).	1. Surat pelantikan sebagai Pengajar daripada IPT lain (subjek luar UMT). 2. Surat Pelantikan Pengajar dari Pusat Pengurusan Siswazah bagi kursus untuk Mod Penyelidikan. 3. Surat Pelantikan Pengajar Pascasiswazah Mod Kerja Kursus dari Fakulti. 4. <i>Print screen</i> pencapaian Titik Nilai Ambang OBE daripada Modul Laporan LO. 5. <i>Print screen</i>/Pdf Laporan CQI kursus-Modul Laporan LO > Pensyarah > Ulasan > CQI > Laporan 6. <i>Print screen</i>/Laporan Markah Penilaian Pengajaran daripada Sistem eSPP/eTEP atau sistem penilaian yang lain (bagi situasi tertentu sahaja). 7. Bukti lain yang bersesuaian.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Nota: 1. Subjek dalaman UMT akan terus dimuat turun dari Sistem Maklumat Pelajar (SMP). Jika terdapat kesilapan maklumat subjek, ahli akademik perlu merujuk kepada Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik. 2. Subjek luar UMT perlu dimasukkan sendiri oleh ahli akademik. Contohnya pengajaran di OUM atau institut pengajian tinggi lain. Maklumat bagi Pembelajaran Teradun, OBE dan eSPP/eTEP bagi subjek luar UMT yang diajar boleh dimasukkan oleh ahli akademik berdasarkan penilaian sendiri. 3. Glosari bagi penerbitan pengajaran boleh dirujuk melalui dokumen yang disediakan dalam Lampiran – Penerbitan Pengajaran.	
Postgraduate Supervision	Takrif: Penyeliaan pelajar pascasiswazah bertujuan untuk membimbing proses penyelidikan, penulisan, pembentangan dan peperiksaan tesis/disertasi seorang pelajar pascasiswazah sama ada Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan dan kerja kursus di UMT atau IPT lain sama ada dalam dan luar negara. Nota: 1. Senarai pelajar pasca siswazah UMT akan dimuat turun dari Sistem Pengurusan Siswazah, manakala pelajar luar UMT perlu dimasukkan oleh ahli akademik. Oleh demikian, senarai pelajar pasca siswazah UMT tidak perlu diverifikasi kerana telah diperoleh dari sistem sumber yang dipercayai. Hanya penyeliaan pelajar pasca siswazah luar UMT sahaja perlu diverifikasi. 2. Senarai pelajar pascasiswazah UMT boleh disemak dalam (MyNemo>Akademik>Modul Pensyarah (Postgraduate)). Sebarang ketidakselarasan seperti kecaciran nama pelajar daripada senarai penyeliaan dalam Modul Pensyarah (Postgraduate) dengan senarai pelajar dalam eProfile, ahli akademik boleh merujuk kepada PIC verifikasi untuk membuat pelarasan. 3. Bagi penyeliaan luar UMT, bukti penyeliaan adalah wajib dimasukkan oleh ahli akademik kerana verifikasi memerlukan bukti sebagai dokumen sokongan.	1. Surat pelantikan penyelia pasca siswazah yang lengkap; atau 2. Bukti status aktif pelajar di IPT lain; atau 3. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
Undergraduate Supervision	Takrif: Penyeliaan pelajar prasiswazah bertujuan untuk membimbing pelajar yang mengambil Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA). Nota: Bukti jadual pembentangan adalah lebih tepat kerana ia menunjukkan pelantikan akhir sebagai penyelia. Surat pelantikan penyelia yang dikeluarkan pada awal semester mungkin akan berubah.	1. Jadual pembentangan projek PITA/FYP yang mengandungi nama penyelia; atau 2. Surat/Emel pelantikan sebagai penyelia PITA; atau 3. Surat/Emel Jemputan pembentangan PITA; atau 4. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
Student Advisory	Takrif: Pelantikan sebagai mentor kepada pelajar (mentee) pada awal semester (Mentor-mentee). Nota: Senarai pelajar diperoleh dari SMP. Ahli akademik hanya perlu memilih mentee yang diselia sahaja.	Tidak perlu bukti kerana data tidak perlu diverifikasi.
Internship Supervision	Takrif: Penyeliaan pelajar latihan industri meliputi lokasi penyeliaan di UMT dan luar UMT.	1. Surat/Emel pelantikan sebagai penyelia LI; atau 2. Surat/ emel lantikan sebagai Penyelia Industri oleh IPT luar; atau 3. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.

Modul 3 : Research & Innovations

Sub-Modul	Glosari	Bukti
Grants	Takrif: Merujuk kepada geran penyelidikan yang dibiayai secara rasmi oleh universiti (UMT), universiti luar, agensi kerajaan, industri, swasta, NGO dan lain-lain; sama ada dalam atau luar negara. Nota: 1. Senarai geran UMT diperoleh daripada Sistem Geran (e-RMIC) Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO) dan tidak perlu diverifikasi. 2. Geran universiti luar perlu dimasukkan dan diverifikasi oleh RMO. 3. Geran Universiti - Projek yang dibiayai melalui tabung amanah dan dana dalaman universiti. 4. Geran dari universiti induk luar negara kepada universiti cawangan di Malaysia dikira sebagai projek yang dibiayai melalui dana universiti peringkat kebangsaan. 5. Geran peringkat kebangsaan yang kompetitif diambilkira seperti FRGS, ERGS, MARDI, TRGS, PRGS, LRGS, HiCoE, MOSTI etc. 6. Geran Industri/Swasta/NGO – Pemberi dana adalah terdiri daripada agensi korporat/swasta tempatan/NGO (badan bukan kerajaan) diambilkira Contoh: PETRONAS, TDM Berhad, WWF Malaysia dan lain-lain. 7. Geran Antarabangsa - Pemberi dana tidak terhad kepada Geran MyPAIR, JICA, United Nations, WHO, World Bank, Newton-Ungku Omar Fund. (Sila rujuk Glosari MyRA Pindaan 2018). 8. Geran pemindahan ilmu perlu dimasukkan dalam Menu Knowledge Transfer-Project/Process/Service Development. Contoh geran pemindahan ilmu PPRN, KTP, UCTC, KTAGS, ECERDC, ICOE etc. Sila pastikan geran pemindahan ilmu tidak dimasukkan dalam menu Research Grant ini untuk mengelakkan duplikasi data.	1. Surat kelulusan geran sebagai ketua penyelidik/ penyelidik bersama dari RMO/RMIC universiti berkenaan; atau 2. Print screen dari Sistem MyGrant; dan sekiranya perlu 3. Surat penamatan geran; atau 4. Surat pelanjutan geran; atau 5. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
Publication ▪ Journal ▪ Books ▪ Chapter in Book ▪ Proceeding ▪ Monograph ▪ Thesis ▪ Dissertation ▪ Policy Paper ▪ General	Takrif: Penerbitan ahli akademik adalah karya asli hasil daripada penyelidikan berkaitan bidang kepakaran yang diterjemahkan dalam bentuk artikel jurnal, buku, bab dalam buku, prosiding, monograf dan yang setara. Nota: 1. Penerbitan yang boleh dimasukkan adalah penerbitan yang telah diterbitkan (published) dan berstatus <i>in press</i> dalam pangkalan data Scopus dan Web of Science, manakala penerbitan yg masih dalam status <i>review</i> atau <i>submitted</i> tidak boleh dimasukkan sehingga selesai diterbitkan.	1. Artikel Jurnal: Artikel penuh yang lengkap mengandungi (Nama artikel, jurnal, volume, isu, DOI, tahun, mukasurat, nama pengarang beserta afiliasi dan kepengarangan) 2. Buku: Halaman hadapan/ tajuk, halaman hak cipta, semua halaman kandungan, sinopsis buku atau abstrak 3. Bab dalam Buku:

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Jurnal merupakan satu penerbitan yang mengandungi artikel ilmiah yang ditulis oleh sarjana atau profesional yang pakar dalam bidang mereka dan diterbitkan secara berkala. Buku penyelidikan merujuk kepada buku ilmiah yang ditulis secara sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional. Penulis disarankan untuk memasukkan maklumat geran penyelidikan (tajuk geran dan no. vot) dalam prakata atau sinopsis buku. Buku teks atau buku pengajaran merujuk kepada buku yang diterbitkan khusus untuk memenuhi keperluan pelajar yang mengikuti pengajian dalam tahap serta bidang tertentu. Bahan ini kadang kala diterbitkan bersama buku kerja, manual makmal dan manual pengajar. Monograf merupakan penerbitan yang mengandungi maklumat penyelidikan terkini dalam sesuatu bidang meliputi metodologi, orientasi, hala tuju dan penemuan baru. Ini meliputi dokumentasi penerbitan siri syarahan profesor, siri monograf penyelidikan dan sebagainya. Prosiding merupakan penerbitan abstrak kertas kerja dan kertas kerja persidangan atau seminar yang diterbitkan sama ada oleh penganjur, penerbit ilmiah atau penerbit komersil yang bertaualiah. Bab dalam buku adalah bab yang ditulis oleh pengarang yang berkaitan buku penyelidikan. Pengenalan dan penutup adalah tidak termasuk dalam kategori bab utama. Thesis/Dissertation merujuk kepada penerbitan hasil kajian pelajar untuk kelayakan untuk pengijazahan. Kertas polisi yang menyumbang kepada pembentukan/penambahbaikan/pemansuhan dasar/fatwa/akta dan seumpamanya yang telah diterbitkan oleh pemegang taruh (stakeholder) sama ada Agensi Kerajaan (Peringkat Negeri dan Persekutuan sahaja) atau Antarabangsa (selain daripada institusi yang dinilai). Technical Report/Consultation Report/Case Study Report merujuk kepada laporan teknikal berdasarkan hasil penyelidikan atau penelitian yang dibuat di mana laporan ini perlulah disahkan oleh pemegang taruh atau diterbitkan di dalam satu pangkalan data yang diindeks. Modul merujuk kepada dokumen berbentuk buku yang mengandungi semua topik subjek atau sebahagian topik subjek yang disediakan oleh ahli akademik, diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf,	Halaman hadapan/tajuk buku, halaman hak cipta, semua halaman kandungan, halaman tajuk bab dalam buku, sinopsis buku atau abstrak Prosiding: Halaman tajuk prosiding, halaman hak cipta prosiding dan prosiding lengkap Monograf: Halaman hadapan/tajuk, halaman hak cipta, semua halaman kandungan, sinopsis monograf atau abstrak Polisi: Kertas polisi, blueprint, pelan induk, kertas kajian dan sebagainya; atau Bukti hubungkait yang ada menyatakan penghargaan kepada pusat, kertas kerja yang menjadi rujukan kertas polisi dan mempunyai afiliasi universiti; atau Bukti yang menunjukkan hasil kajian digunapakai; dan Surat lantikan staf menjadi ketua/ahli projek kajian. (Sekiranya pemilik dasar telah menyenaraikan nama penyumbang dalam kertas polisi maka tidak memerlukan bukti-bukti di atas). Umum (General): Halaman yang mengandungi tajuk, penulis, tahun, halaman kandungan, hak cipta (jika ada). Tesis: Halaman hadapan/ tajuk, semua halaman kandungan, sinopsis tesis atau abstrak. Technical Report/Consultation Report: Laporan penuh Modul: Halaman hadapan/tajuk, halaman hak cipta, semua halaman kandungan, sinopsis modul atau abstrak Book of abstract: Buku abstrak penuh

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	samaada berbentuk fizikal atau digital (eBook) dan mempunyai nombor ISBN/ISSN. 12. Book of abstract merupakan penerbitan abstrak kertas kerja persidangan atau seminar yang diterbitkan sama ada oleh penganjur, penerbit ilmiah atau penerbit komersil yang bertaualiah.	
Intellectual Properties	Takrif: Harta Intelek merujuk kepada hak-hak kreatif dan intelektual yang dimiliki oleh UMT yang menghasilkan sesuatu produk atau inovasi. Harta intelek termasuk paten, hak cipta, cap dagangan, rekabentuk industri dan rahsia perdagangan. Produk merujuk kepada barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh UMT untuk dikomersilkan kepada pengguna. Pengkomersilan berlaku apabila produk inovasi yang telah didaftarkan dan dipasarkan melalui kaedah perlesenan, penjualan, syarikat pemula, atau syarikat usahasama. Nota: Pingat yang dimenangi dalam pertandingan inovasi tidak termasuk dalam kategori ini.	1. Surat permohonan harta intelek (difailkan); atau 2. Surat kelulusan harta intelek (telah diluluskan)/Sijil MyIPO/ Laporan daripada laman sesawang MyIPO.

Modul 4 : Knowledge Transfer

Sub-Modul	Glosari	Bukti
Consultancy	Takrif: Perunding bermaksud ahli akademik yang dilantik sebagai perunding/pakar rujuk/penasihat oleh agensi luar/industri untuk memberi sumbangan berkaitan bidang kepakaran bagi sesuatu projek dalam tempoh pelantikan tertentu. Perkhidmatan perundingan bermaksud semua jenis aktiviti khidmat nasihat, khidmat profesional dan khidmat pakar yang diberikan oleh perunding atau kumpulan perunding kepada klien tanpa sebarang imbuhan atau dengan upah/yuran profesional. Ini tidak termasuk penyelidikan yang dibiayai oleh kerajaan bukan untuk tujuan keuntungan. Perkhidmatan perundingan boleh dalam bentuk analisis, rekabentuk, laporan, kertas kerja, ataupun penghasilan produk. Nota: 1. Geran pemindahan ilmu tidak termasuk dalam kategori perundingan tetapi boleh dimasukkan dalam Modul Project/Process/Service Development. 2. Konsultan di peringkat UMT tidak termasuk dalam kategori perundingan tetapi boleh dimasukkan dalam Modul Academic Leadership > Additional Contributions. 3. Kontrak Penyelidikan yang melibatkan perkhidmatan tidak termasuk dalam kategori ini tetapi boleh dimasukkan dalam Modul Research & Innovation > Contract Research. 4. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas. Sumber: 1. Garis Panduan Perkhidmatan Perundingan UMT	1. Surat pelantikan sebagai Perunding; atau 2. Sijil penghargaan; atau 3. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
Project/Process/Service Development	Takrif: Program pemindahan ilmu merujuk kepada aktiviti pemindahan ilmu kepada komuniti/ industri berdasarkan bidang kepakaran dan penyelidikan oleh penyelidik UMT untuk meningkatkan kualiti hidup dan taraf sosioekonomi. Pengukuran impak dan manfaat program pemindahan ilmu kepada komuniti/ industri adalah berdasarkan kepada perubahan tahap pengetahuan/ kemahiran/ tingkah laku/ aspirasi sebelum dan selepas program. Merujuk kepada penarafan bintang jaringan komuniti.	1. Surat/Emel pelantikan berkaitan pembangunan projek/ proses/perkhidmatan yang lengkap 2. Laporan beserta gambar-gambar bagi pembuktian pelaksanaan program 3. Senarai kehadiran peserta yang mengandungi nama dan tandatangan peserta

Sub-Modul	Glosari		Bukti
	Contoh geran pemindahan ilmu: UCTC, NBOS, PPRN, ECERDC, KTP, MyIS Komuniti, Translasional, U4S, KTAGS dan lain-lain. Nota: 1. Aktiviti yang dilaksanakan kepada warga UMT (pelajar/staf) bersama pelajar UMT tidak termasuk dalam program pemindahan ilmu. 2. Projek pemindahan ilmu tidak termasuk program USR seperti program kemasyarakatan dan kesukarelawan.		4. Sampel soal selidik sebelum dan selepas program beserta analisis 5. Bukti penyaluran kewangan daripada penyumbang luar (EFT, surat) 6. Bukti lain yang bersesuaian (contoh testimoni atau video).
Expertise Contribution	Speaker	Takrif: Pelantikan sebagai penceramah/panel forum berkaitan bidang kepakaran dalam sesuatu program/bengkel/kursus/taklimat. Nota: 1. Pelantikan sebagai invited speaker dalam persidangan adalah tidak dikira dalam kategori ini tetapi boleh dimasukkan dalam menu Academic Leadership-Keynote/Plenary/Invited. 2. Audien sesi ceramah terdiri daripada rakan kesepakaran, komuniti akademik, agensi luar UMT, industri dan komuniti (sekolah, masyarakat setempat) tidak termasuk pelajar pra-siswazah kerana ceramah kepada pelajar pra-siswazah dikira sebagai satu bentuk pengajaran. 3. Pelantikan penceramah atas kapasiti jawatan yang dipegang dan topik berkaitan jawatan tidak dikira dalam terma ini kerana tidak berkaitan dengan bidang kepakaran. 4. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas.	1. Surat pelantikan atau emel pelantikan sebagai penceramah yang lengkap dengan tarikh, nama program/bengkel/kursus/taklimat dan tajuk ceramah; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
	Facilitator	Takrif: Pelantikan sebagai fasilitator dalam sesuatu program.	1. Surat pelantikan atau emel pelantikan sebagai fasilitator yang lengkap dengan tarikh program/bengkel; atau

Sub-Modul	Glosari		Bukti
		Contoh: Fasilitator/Kem Komandan Kem Survival dan Keselamatan di Air (SKA). Nota: 1. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas. 2. Moderator tidak termasuk dalam kategori fasilitator.	2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
	Exam Builder	Takrif: Pelantikan sebagai penggubal/pembangun /penyedia kertas soalan peperiksaan. Contoh: 1. Penggubal soalan KPM/KPT (SPM, matrikulasi, STPM, kolej, politeknik, universiti awam/swasta). 2. Penggubal soalan badan profesional. 3. Penggubal soalan peperiksaan penjawat awam. Nota: 1. Tidak termasuk peperiksaan bagi subjek yang diajar di UMT. 2. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas.	1. Surat pelantikan atau emel pelantikan sebagai penggubal soalan yang lengkap dengan tarikh, nama kertas soalan; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
	Exam Assessor	Takrif: Pelantikan sebagai pemeriksa/penilai kertas soalan atau jawapan peperiksaan/<i>vetter</i> soalan peperiksaan/penilaian akhir. Contoh: 1. Penilai/Pemeriksa bagi soalan/jawapan KPM/KPT (SPM, matrikulasi, STPM, kolej, politeknik, universiti awam/swasta). 2. Penilai/Pemeriksa bagi soalan/jawapan badan profesional. 3. Penilai/Pemeriksa bagi soalan/jawapan peperiksaan penjawat awam.	1. Surat pelantikan atau emel pelantikan sebagai pemeriksa soalan yang lengkap dengan tarikh, nama kertas soalan; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap

Sub-Modul	Glosari		Bukti
		Nota: 1. Tidak termasuk peperiksaan bagi subjek yang diajar di UMT. 2. Mesyuarat vetting soalan bagi subjek yang diajar di UMT tidak dikira dalam kategori ini. 3. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas.	
	Demonstrator	Takrif: Pelantikan sebagai penunjuk ajar bagi subjek pengajaran atau sesuatu program. Nota: 1. Surat pelantikan mestilah menyatakan jawatan pelantikan dengan jelas. 2. Moderator tidak termasuk dalam kategori fasilitator.	1. Surat pelantikan atau emel pelantikan sebagai demonstrator yang lengkap dengan tarikh, nama program/bengkel/kursus/taklimat dan tajuk; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
Media Involvement	Takrif: Penglibatan sebagai panel jemputan, penulis artikel, penyumbang idea (nama dipetik dalam penulisan artikel/media oleh wartawan) dalam rancangan atau media. Nota: 1. Media boleh meliputi tv, radio, akhbar, majalah, media sosial dan lain-lain. 2. Penulisan dalam media sosial tidak termasuk yang ditulis dan dimuat naik oleh diri sendiri. 3. Interviewee ialah individu yang ditemuramah oleh pihak media bagi artikel penulisan. Guest speaker pula adalah individu yang ditemuramah oleh pihak media bagi temu bual jemputan dalam sebarang bentuk media.		1. Keratan akhbar/media cetak; atau 2. Media sosial/laman sesawang; atau 3. Poster hebahan jemputan sebagai pakar dalam radio/tv; atau 4. Surat/emel jemputan; atau 5. Screen shot paparan penglibatan; atau 6. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.

Modul 5 : Self Development

Sub-Modul	Glosari		Bukti
Academic Mobility	Attachment	Takrif: Sangkutan Industri merupakan program sangkutan ahli akademik yang dijalankan di industri dalam atau luar negara bagi memberi pendedahan dengan situasi sebenar sesuatu industri melalui konsep <i>experiential learning</i> dalam bidang industri yang tertentu selaras dengan bidang kepakaran dan <i>focus area</i> pusat tanggungjawab. Ahli akademik yang menjalani program sangkutan industri ini bukan bersifat sepenuh masa kerana pegawai masih perlu menjalankan tugas hakiki pusat pengajian/institut semasa dalam tempoh tersebut. Sangkutan Akademik merupakan kemudahan yang diberikan kepada ahli akademik untuk meningkatkan kepakaran profesional dan ikhtisas di industri/NGO/Agensi/Komuniti/ Kerajaan sama ada di dalam atau luar negara. Program ini merupakan peluang dan kemudahan untuk memenuhi keperluan pembangunan profesional mengikut bidang kepakaran ahli akademik.	1. Surat kelulusan menjalani program sangkutan daripada PPBI 2. Surat/Emel jemputan dari agensi lain untuk menjalani program mobiliti. 3. Laporan beserta gambar-gambar program mobiliti. 4. Surat kelulusan dan surat jemputan daripada penganjur/agensi yang menyatakan jumlah dana/peruntukan yang diperoleh. 5. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap
	Sabbatical	Takrif: Cuti Sabatikal merupakan satu kemudahan kepada ahli akademik bertujuan untuk menggalakkan mereka meningkatkan kesedaran menerusi penyelidikan dan pengajaran, merangsang perkembangan intelektual, pembangunan ikhtisas dan mengukuhkan jaringan kerjasama dengan komuniti sarjana global.	1. Surat kelulusan menjalani program sabatikal daripada PPBI. 2. Surat/Emel jemputan dari agensi lain untuk menjalani program mobiliti. 3. Laporan beserta gambar-gambar program mobiliti. 4. Surat kelulusan dan surat jemputan daripada penganjur/agensi yang menyatakan jumlah dana/peruntukan yang diperoleh. 5. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap
	Post Doctoral	Takrif: Program Pasca-Kedoktoran merupakan satu kemudahan yang disediakan kepada ahli akademik berjawatan tetap dengan bertujuan menggalakkan mereka menjalankan penyelidikan dan berinteraksi dengan kumpulan penyelidik dalam atau luar negara. Kemudahan ini adalah khusus untuk ahli akademik yang baru memperolehi Ph.D dan	1. Surat kelulusan menjalani program pasca kedoktoran daripada PPBI. 2. Surat/Emel jemputan dari agensi lain untuk menjalani program mobiliti. 3. Laporan beserta gambar-gambar program mobiliti.

Sub-Modul	Glosari		Bukti
		menjalankan projek yang khusus dalam penyelidikan berkaitan bidang mereka.	4. Surat kelulusan dan surat jemputan daripada penganjur/agensi yang menyatakan jumlah dana/peruntukan yang diperoleh. 5. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
	Research Leave	Takrif: Cuti penyelidikan adalah salah satu program mobiliti akademik bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik meningkatkan kemahiran sendiri ke arah kecemerlangan penyelidikan di UMT. Ianya merupakan satu kemudahan yang diberi kepada ahli akademik yang berjawatan tetap untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan penyelidikan dalam bidang kepakaran masing-masing.	1. Surat kelulusan menjalani program cuti penyelidikan daripada PPBI. 2. Surat/Emel jemputan dari agensi lain untuk menjalani program mobiliti. 3. Laporan beserta gambar-gambar program mobiliti. 4. Surat kelulusan dan surat jemputan daripada penganjur/agensi yang menyatakan jumlah dana/peruntukan yang diperoleh. 5. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
Course/Conference/Expedition	Course	Takrif: Merujuk kepada kursus atau latihan yang dihadiri bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Nota: 1. Senarai kursus akan dimuat turun daripada sistem eLatihan (tidak perlu masukkan bukti atau diverifikasi) 2. Senarai kursus juga boleh dimasukkan sendiri oleh ahli akademik dalam Sistem eProfile sekiranya tidak didaftarkan melalui eLatihan (perlu masukkan bukti dan diverifikasi).	1. Sijil penyertaan kursus; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian dan lengkap.
	Conference	Takrif: Persidangan merujuk pertemuan formal untuk berbincang, bertukar pendapat dan maklumat berkaitan bidang kepakaran, terutamanya dalam kalangan para ilmuan yang mempunyai minat dan kepentingan bersama. Ia juga memberi maksud proses perkongsian ilmu melalui pembentangan hasil penyelidikan kepada masyarakat, umumnya dan ahli akademik khususnya. Ia meliputi dan maksud yang sama iaitu seminar, simposium, kolokium dan kongres.	(dikemaskini 31.12.2023) 1. Sijil sebagai pembentang lisan/poster/ peserta dalam persidangan yang lengkap; atau 2. Laporan menghadiri konferensi yang dihantar kepada urus setia JKKLA; atau 3. Bukti pengesahan penyertaan sebagai pembentang lisan/poster/ peserta daripada penganjur.

Sub-Modul	Glosari	Bukti
	Nota: 1. Kertas kerja dibentang sendiri oleh ahli akademik dan bukan pelajar siswazah. 2. Persidangan/seminar/simposium/kolokium dihadiri oleh multi universiti (lebih daripada 2 universiti) 3. Manuskrip pembentangan wajib menjalani proses penilaian (review) oleh panel yang dilantik oleh penganjur. 4. Pembentangan lisan yang diambil kira adalah pembentangan hasil penyelidikan yang dibentangkan secara lisan dalam sesuatu persidangan/seminar/simposium/kolokium yang dihadiri oleh rakan kesepakaran. 5. Abstrak kertas kerja tidak diterima sebagai bukti pembentang lisan. 6. Senarai persidangan akan dimuat turun daripada sistem Latihan (tidak perlu masukkan bukti atau diverifikasi). 7. Persidangan antarabangsa perlu memenuhi kriteria seperti berikut: a) Penganjuran konferensi oleh penganjur luar negara dan dilaksanakan di luar negara; atau b) Penganjuran konferensi yang dilaksanakan di dalam negara yang melibatkan penganjuran bersama dengan penganjur luar negara atau pun dianjurkan oleh penganjur luar negara; atau c) Penganjuran konferensi yang dilaksanakan di dalam negara oleh penganjur dalaman yang dihadiri oleh minimum 30% peserta luar negara (afiliasi dengan universiti/institusi/agensi luar negara) (Kelulusan Mesyuarat JK Sumber Manusia (JKSM) UMT Kali ke 8. Senarai persidangan juga boleh dimasukkan sendiri oleh ahli akademik dalam Sistem eProfile sekiranya tidak didaftarkan melalui Latihan (perlu masukkan bukti dan diverifikasi).	
	Expedition Takrif: Ekspedisi merujuk kepada satu perjalanan yang dirancang oleh sekumpulan orang ke sesuatu tempat untuk meneroka, menyelidiki dan sebagainya.	1. Surat/emel jemputan ekspedisi; atau 2. Sijil penyertaan; atau 3. Bukti lain yang bersesuaian.

Sub-Modul	Glosari		Bukti
		Contoh: Ekspedisi Pelayaran Saintifik UMT (RV Discovery), Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin UMT. Nota: 1. Aktiviti persampelan bukan ekspedisi. 2. Ekspedisi melalui jemputan daripada luar UMT juga termasuk dalam kategori ini. 3. Senarai ekspedisi akan dimuat turun daripada sistem eLatihan (tidak perlu masukkan bukti atau diverifikasi) 4. Senarai ekspedisi juga boleh dimasukkan sendiri oleh ahli akademik dalam Sistem eProfile sekiranya tidak didaftarkan melalui eLatihan (perlu masukkan bukti dan diverifikasi).	
	Academic Activity	Takrif: Aktiviti akademik merujuk kepada penyertaan aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan sahaja. Contoh: Program jerayawara, taklimat ringkas, syarahan perdana, syarahan inaugural, ceramah, webinar, seminar (bukan persidangan), forum, lawatan rasmi/kerja, bengkel dan lain-lain. Nota: 1. Senarai aktiviti akan dimuat turun daripada sistem eLatihan (tidak perlu masukkan bukti atau diverifikasi) 2. Senarai aktiviti juga boleh dimasukkan sendiri oleh ahli akademik dalam Sistem eProfile sekiranya tidak didaftarkan melalui eLatihan (perlu masukkan bukti dan diverifikasi).	1. Sijil penyertaan; atau 2. Bukti lain yang bersesuaian.
